

TARIKH: 16/9/23.
SURAT KHABAR: Harian Metro
MUKA SURAT: 18

Waris anggota Rela dapat faedah

Seremban: Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Negeri Sembilan, semalam menyampaikan faedah kepada waris anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) yang meninggal ketika perbarisan kemerdekaan, 31 Ogos lalu.

Allahyarham Muhammad Noh Muhammad Isa, 53, menemui ajal ketika perbarisan sambutan Kemerdekaan Ke-66 Peringkat Negeri Sembilan di Padang MBS dan mendapat perhatian seluruh rakyat Malaysia selepas rakaman kejadian tular di laman sosial.

Pengarah Perkeso Negeri Sembilan, Nur Muhammad Bakhtir Mohamad Akhir berkata, Muhammad Noh adalah bekas Angkatan tentera Malaysia (ATM) yang kini berkhidmat sebagai anggota Rela.

"Anak arwah iaitu Ahmad Harraz Muhammad Noh menerima baucar Faedah Penakat di Wisma Perkeso Negeri Sembilan di sini semalam.

"Isteri dan anak arwah menerima Faedah Pengerusan Mayat yang dibayar pada 4 November lalu dan Faedah Pencen Penakat di bawah Akta Keselamatan

Sosial 1969 serta Faedah Orang Tanggungan di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri," katanya.

Katanya, sejurus mendapat maklumat kematian Muhammad Noh menerusi media massa dan Facebook, Skwad Perkeso Prihatin Seremban mengambil tindakan segera dan membuat semakan mengenai anggota Rela itu.

"Semakan mendapati bahawa waris layak mendapat Faedah Perkeso berdasarkan caruman yang dibuat Muhammad Noh di bawah Akta Keselamatan Sosial

Pekerja 1969 iaitu sebelum beliau bekerja sendiri sebagai Rela.

"Arwah juga salah seorang pencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Bekerja Sendiri (SKSPS)," katanya.

Justeru, beliau menyeru individu yang bekerja sendiri di seluruh negara supaya mendaftar dan mendaftar dengan SKSPS di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 untuk perlindungan mereka dan keluarga jika berlaku apa-apa musibah sewaktu melakukan pekerjaan.

"Skim ini, yang pada per-



MANILIZA Abdul Hamid, 47, menunjukkan gambar suaminya, Allahyarham Muhammad Noh yang meninggal dunia selepas menyertai perbarisan sambutan Hari Kebangsaan peringkat Negeri Sembilan.

mulaannya diwajibkan ke atas Sektor Pengangkutan Penumpang iaitu pemandu teksi, e-Hailing dan pemandu bas yang bekerja

sendiri secara berperingkat mulai 1 Jun 2017. Ia diperluaskan kepada 19 lagi sektor tidak formal sejak 1 Januari 2020," katanya.

Harian Metro
ms18
16/9/23 (caafu)